

Maybank sasar lebih banyak PKS guna Maybank2u Biz

KUALA LUMPUR - Maybank menjangkakan lonjakan penyertaan pelanggan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia dalam platform digitalnya kepada 80 peratus bagi tempoh 12 bulan akan datang menerusi pelancaran aplikasi Maybank2u Biz.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Datuk John Chong berkata, pada masa ini, hampir 60 peratus

PKS di Malaysia merupakan pelanggan Maybank.

"Daripada angka itu, 67 hingga 68 peratus PKS telah berada di platform digital," katanya kepada pemberita selepas pelancaran aplikasi perbankan perniagaan serba baharu itu secara maya pada Selasa.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat 1.15 juta PKS di Malaysia pada 2020, mewakili 97.2 peratus daripada penubuhan perniagaan keseluruhannya.

Presiden dan Ketua Pegawai

Eksekutif Kumpulan, Datuk Abdul Farid Alias berkata, pelancaran Maybank2u Biz sekali lagi menegaskan komitmen pihaknya untuk menyokong tulang belakang negara dalam tempoh perubahan penting ini.

"Bercirikan antara muka intuitif, navigasi mudah dan fungsi perniagaan yang berguna, kami yakin Maybank2u Biz akan diterima baik oleh kalangan PKS," katanya.

Beliau berkata, Maybank2u

Biz dibangunkan untuk membantu pemilik perniagaan menguruskan pelbagai tugas pada bila-bila masa.

Aplikasi itu sesuai untuk perkongsian, syarikatendirian berhad, firma profesional, institusi pendidikan, kelab, pertubuhan dan persatuan.

Maybank2u Biz membantu memudahkan perbankan harian dan dilengkapi dengan fungsi invois, yang membolehkan pemilik perniagaan mengeluarkan, menghantar dan

menjejak invois.

Menurut Maybank, PKS juga boleh mengakses maklumat kewangan terperinci mereka dengan mudah menerusi aplikasi tersebut.

Maybank juga memperkenalkan ciri Secure2u pada aplikasi tersebut untuk melindungi transaksi.

Aplikasi Maybank2u Biz kini boleh dimuat turun daripada Google Play Store dan Apple AppStore. - Bernama